



16 Februari 2017
16 February 2017
P.U. (A) 53

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN BEKALAN GAS (PINDAAN) 2017

*GAS SUPPLY (AMENDMENT)
REGULATIONS 2017*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BEKALAN GAS 1993

PERATURAN-PERATURAN BEKALAN GAS (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 39 Akta Bekalan Gas 1993 [Akta 501], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Bekalan Gas (Pindaan) 2017.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 16 Februari 2017.

Pindaan peraturan 4

2. Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997 [P.U. (A) 287/1997], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 4 —

(a) dengan mengantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) lesen pengimportan ke terminal penggasan semula;”;

(b) dengan mengantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) lesen penggasan semula;” dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) lesen pengiriman;

(d) lesen pengangkutan;

(e) lesen pengagihan;

(f) lesen peruncitan;

(g) lesen gas persendirian.”.

Pindaan peraturan 5

3. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan memotong perkataan “penggunaan gas”; dan
- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “lesen penggunaan gas hendaklah mengemukakan permohonan kepada Suruhanjaya berserta butir-butir yang disebut dalam subseksyen 11(3)” dengan perkataan “lesen untuk menjalankan apa-apa aktiviti di bawah seksyen 11 Akta hendaklah mengemukakan permohonan kepada Suruhanjaya berserta butir-butir yang dinyatakan dalam seksyen 11A”.

Pindaan peraturan 6

4. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan memotong perkataan “penggunaan gas”;
- (b) dengan memotong perkataan “penggunaan gas”; dan
- (c) dengan memotong perkataan “membayar fi pendahuluan pada kadar yang ditentukan oleh Suruhanjaya dan kemudiannya hendaklah”.

Pemotongan peraturan 7, 8 dan 9

5. Peraturan 7, 8 dan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipotong.

Pindaan peraturan 10

6. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “lesen penggunaan gas,” dengan perkataan “lesen pengimportan ke terminal penggasan semula, lesen penggasan semula, lesen pengiriman, lesen pengangkutan atau lesen pengagihan;” dan
 - (ii) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “lesen gas persendirian” perkataan “atau lesen peruncitan”;
- (b) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “pembaharuan lesen” perkataan “di bawah perenggan (1)(b);” dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:
- “(3) Bagi maksud subperaturan (2), lesen hendaklah sah bagi tempoh dua belas bulan dari tarikh pembaharuan.”.

Pindaan peraturan 11

7. Subperaturan 11(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “gas”;
- (b) dalam perenggan (b)—
 - (i) dengan memotong perkataan “gas”; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (c) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “Peraturan-Peraturan ini.” dengan perkataan “Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana Kod yang dikeluarkan di bawah Akta; atau”; dan

(d) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(d) lesen itu diberikan berdasarkan pemberian maklumat yang palsu, tidak benar atau mengelirukan.”.

Pindaan peraturan 12

8. Peraturan 12 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, peruncitan dan gas persendirian”;

(b) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Lesen Pengunaan Gas” dengan perkataan “lesen pengagihan, peruncitan dan gas persendirian”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “pepasangan”;

(c) dalam subperaturan (2)—

(i) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) butir-butir lokasi pepasangan;”;

(ii) dalam perenggan (d), dengan memasukkan sebelum perkataan “Perakuan” perkataan “suatu salinan”; dan

(iii) dengan menggantikan perenggan (e) dengan perenggan yang berikut:

“(e) suatu salinan Perakuan Ujian;” dan